

# PERBANDINGAN PERIBAHASA MELAYU, SEpanyol DAN ARAB BERTEMAKAN USAHA DALAM ASPEK EKONOMI: SATU ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF

*A COMPARATIVE ANALYSIS OF MALAY, SPANISH, AND ARABIC PROVERBS  
WITH THE THEME OF ENDEAVOR FROM THE ASPECT OF ECONOMY:  
AN INQUISITIVE SEMANTIC ANALYSIS*

Hairul Nisma WAHAB\*<sup>1</sup>  
Wazzainab ISMAIL<sup>2</sup>  
Zailin Zainal ARIFFIN<sup>3</sup>  
Salina HUSSAIN<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Bahasa dan Budaya, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

<sup>2</sup>Jabatan Kefahaman Islam dan Bahasa Arab, Universiti Islam Selangor

<sup>3</sup>Jabatan Pengurusan Logistik dan Pentadbiran Perniagaan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

<sup>4</sup>Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

hairulnisma@upnm.edu.my  
wazzainab@uis.edu.my  
zailin@upnm.edu.my  
lina@upm.edu.my

Corresponding author\*

Received: 17<sup>th</sup> May 2024

Accepted: 20<sup>th</sup> September 2024

## ABSTRAK

Peribahasa, antara khazanah bangsa yang universal dan diwarisi secara turun temurun bagi menyampaikan mesej tersirat. Peribahasa wujud dengan kepelbagaian fungsi seperti nasihat, sindiran serta mengungkap konsep falsafah dan akal budi masyarakat yang memerlukan pemikiran aras tinggi dalam tafsiran makna. Kesilapan mentafsir makna peribahasa akan menyebabkan salah faham apabila melibatkan penggunaan lambang yang tidak dikenali kerana berbeza bahasa dan budaya. Justeru, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti lambang yang digunakan dalam peribahasa Melayu, Sepanyol dan Arab bertemakan usaha dalam aspek ekonomi, serta mengupas makna sebenar peribahasa dan asbab pemilihan lambang dalam ketiga-tiga peribahasa tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang mengaplikasi pendekatan semantik inkuisitif oleh Jalaluddin (2014) dan Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1986). Sebanyak tiga data peribahasa yang terdiri daripada satu peribahasa Melayu, satu peribahasa Sepanyol dan satu peribahasa Arab telah dianalisis dan empat informan terdiri daripada penutur asli berbangsa Melayu, Sepanyol dan Arab telah ditemu bual bagi mendapatkan maklumat tambahan. Dapatan kajian menunjukkan corak hidup masyarakat dahulu,

tradisi dan budaya serta peristiwa sejarah telah menjadi pencetus kepada pemilihan lambang peribahasa yang boleh dirujuk kepada nilai usaha dalam perniagaan. Pendekatan semantik inkuisitif didapati beribawa mencungkil makna sebenar peribahasa dan menjawab persoalan berkaitan pemilihan lambang dari perspektif akal budi. Justeru, kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pengguna bahasa Melayu, Sepanyol dan Arab terutama para pelajar dan pensyarah yang berminat untuk mengkaji dengan lebih mendalam tentang makna sebenar peribahasa seterusnya menyarankan agar kajian perbandingan peribahasa menggunakan pendekatan semantik inkuisitif diperluaskan dalam pelbagai aspek bahasa dan budaya.

**Kata kunci:** lambang; peribahasa Arab; peribahasa Melayu; peribahasa Sepanyol; semantik inkuisitif; usaha

#### ABSTRACT

Proverbs are a universal cultural heritage, passed down through generations to convey covert messages. They serve diverse functions, such as offering advice, delivering satire, and expressing philosophical concepts and values that require thoughtful interpretation. Misinterpretation of proverbs can lead to misunderstandings, particularly when unfamiliar symbols are used across different languages and cultures. This study aims to identify symbols in Malay, Spanish, and Arabic proverbs on the theme of economic endeavour and analyse their underlying meanings, as well as the rationale behind the choice of symbols. A qualitative method is employed, utilising Jalaluddin's (2014) inquisitive semantic approach and Kempson's (1986) Cross-Referencing Framework. Three proverbs—one each from Malay, Spanish, and Arabic—were analysed, and four native speakers from each community were interviewed to triangulate findings. Results suggest that past lifestyles, traditions, cultures, and historical events had influenced the choice of symbol selection in the selected proverbs, especially those referring to the value of endeavour in business. The inquisitive semantic approach effectively uncovers implicit meanings in proverbs and provides rationales on choices of symbols used in the proverbs from the perspective of intellectual virtue. This study is thus hoped to benefit Malay, Spanish, and Arabic speakers, especially students and educators who are interested to further explore on the subtexts of proverbs, and to encourage broader use of the inquisitive semantic approach in comparative proverb studies across languages and cultures.

**Keywords:** inquisitive semantics; Arabic proverbs; endeavour; Malay proverbs; Spanish proverbs; symbols

## Pengenalan

Peribahasa merupakan warisan masyarakat yang wujud dalam semua bangsa di dunia. Setiap bangsa di dunia mempunyai peribahasanya sendiri yang diungkap dalam bahasa penuturnya. Selain dari merupakan bahasa kiasan (Senin, 2013), peribahasa merupakan karya kreatif yang menjadi kegemaran masyarakat dahulu bagi menyampaikan pendapat dan pengalaman yang dirakam dalam pelbagai peristiwa dalam kehidupan seharian (Kuzmanovska et al., 2022). Masyarakat zaman dahulu kebanyakannya mengamalkan peribahasa untuk tujuan tertentu dan bukannya sewenang-wenang diungkap tanpa mengetahui makna di sebaliknya. Boleh dikatakan, amalan berperibahasa oleh masyarakat zaman dahulu lebih bersifat menjaga “air muka” bagi menjaga sensitiviti individu yang berperanan sebagai ungkapan berlapik kerana teguran atau sindiran secara berterus terang boleh memalukan atau menjatuhkan maruah seseorang (Muhi, 2018). Masyarakat zaman dahulu amat berhati-hati ketika memberi pandangan atau melontar pendapat kerana perilaku menjaga “air muka” adalah cerminan keprihatinan masyarakat Melayu tentang harga diri dan maruah (Muhammad et al., 2019). Hal ini kerana, peribahasa merupakan satu bentuk bahasa yang mengungkap kesantunan bahasa (Sariyan, 2015) yang memberi gambaran betapa pentingnya kehidupan bermasyarakat yang kita warisi sehingga hari ini. Malahan Din & Pawi (2020) turut menyatakan bahawa peribahasa merupakan elemen penting yang menggambarkan pemikiran dan akal budi dalam menyampaikan sesuatu perkara.

Ungkapan peribahasa umumnya berfungsi sebagai medium penyampaian mesej secara tersirat yang hanya difahami oleh penutur dan pendengar sesuatu bahasa sahaja. Hal ini termasuklah penggunaan lambang atau simbol yang digunakan dalam kepelbagaian fungsi berdasarkan situasi. Sebagai contoh, dalam sektor ekonomi, terdapat peribahasa yang bertindak sebagai medium motivasi dan pemangkin semangat kepada usahawan atau peniaga. Contohnya peribahasa “kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai” yang membawa tafsiran bahawa sekiranya tidak berani menghadapi cabaran dunia perniagaan, jangan sesekali berani menanggung risiko kerana dalam perniagaan, untung atau rugi, adalah risiko yang tidak boleh dielak. Masyarakat Melayu menjadikan peribahasa seperti ini sebagai satu nasihat supaya berfikir panjang sebelum membuat apa-apa keputusan yang berisiko tinggi. Justeru, jelas dilihat bahawa peribahasa memainkan peranan sebagai “pelapik kata” untuk tidak menyinggung perasaan pendengar sekiranya pendapat atau pandangan penutur terhadap sesuatu isu itu bercanggah dengan dengan kehendak pendengar. Pemahaman ini memerlukan pengalaman dan pengetahuan bahasa dan budaya kerana tafsiran pendengar boleh menjadi berbeza mengikut konteks dan situasi peribahasa itu diungkap. Apatah lagi sekiranya melibatkan peribahasa yang berbeza bahasa dan budaya kerana peranan peribahasa itu sendiri sebagai panduan dan asas sesuatu tindakan yang membawa kepada pembentukan masyarakat yang beradab sopan.

Sepertimana budaya lain di dunia, peribahasa Melayu memperlihatkan kekayaan dan kebijaksanaan orang Melayu memberi gambaran perwatakan masyarakatnya melalui lambang atau simbol alam seperti haiwan dan objek di sekeliling. Apa yang dilihat, diperhati dan diamati menjadi pencetus idea untuk membina ungkapan yang ringkas sama ada secara lisan atau tulisan terutamanya objek yang menjadi cerminan perwatakan manusia. Lambang berfungsi sebagai perwakilan makna yang didukung oleh objek berdasarkan sifat atau ciri-ciri objek tersebut. Bagi masyarakat Melayu, penzahiran makna tidak boleh ditafsir secara harfiah kerana kerana makna sebenar peribahasa berbalik kepada tujuan dan fungsinya yang asal. Oleh sebab itulah, orang Melayu lazimnya menutur peribahasa secara halus dan berhemah bagi menjaga sensitiviti orang sekeliling. Mereka menggunakan bahasa bersifat implisit bagi bagi menegur

atau memuji sifat seseorang (Daud & Subet, 2019). Peribahasa Melayu terikat dengan adat istiadat Melayu lama yang memperlihatkan struktur sosial masyarakat Melayu yang menonjolkan hukum adat di samping nilai-nilai moral, sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik serta alat kawalan sosial. Lantaran itu, peribahasa Melayu dianggap karya genius bangsa Melayu (Hamzah & Hassan, 2011) yang menjadi panduan hidup bagi membentuk gaya fikir dan budaya melalui susunan ayat yang kreatif, indah dan berkesan.

Penciptaan peribahasa adalah berdasarkan fenomena sebenar masyarakat dunia. Begitu juga dengan peribahasa Sepanyol yang sangat unik dan mewakili kehidupan dari sudut pandang budaya hispanik (Aparicio, 2009). Bagi masyarakat Sepanyol, peribahasa adalah pepatah yang menyatakan kebenaran yang memberi pengajaran dan membantu memahami budaya berorientasikan individu atau kumpulan (Grabski, 2020). Peribahasa dalam bahasa Sepanyol dirujuk sebagai *refrán* atau *dicho* yang didefinisikan sebagai unit ucapan yang lengkap yang menyatakan kebenaran, kebijaksanaan dalam bahasa yang mudah dan indah (Cobos, 1985). Penggunaannya adalah secara spontan dan maksudnya mudah difahami oleh pendengar yang berlatar belakang budaya dan masyarakat Sepanyol sendiri. Menelusuri sejarah peribahasa Sepanyol, masyarakat Sepanyol menggunakan peribahasa dalam karya kesusasteraan tertua mereka seperti cerpen (Garcia, 2017) dan koleksi kamus peribahasa dalam karya penulis agung mereka, iaitu Fernando de Rojas dan Miguel de Cervantes (Călin, 2016). Peribahasa mewakili seluruh kehidupan dan dijadikan sebagai garis panduan dalam kawalan sosial masyarakatnya dalam memberi didikan, nasihat, sindiran, pembentukan jati diri dan pembentukan nilai-nilai moral termasuklah sebagai medium motivasi. Perkara ini menunjukkan bahawa amalan berperibahasa Sepanyol dituturkan secara meluas melangkaui batas sempadan negara Sepanyol sendiri disebabkan oleh faktor sejarah lampau. Pelayaran Christopher Columbus dari Sepanyol ke Amerika dan penghijrahan muslim Sepanyol selepas peristiwa “reconquista” (Setiawan & Affan, 2019) secara tidak langsung telah membawa kepada perluasan bahasa Sepanyol itu sendiri seterusnya membawa bersama peribahasa yang merupakan salah satu cabang budaya masyarakat Sepanyol.

Peribahasa memantulkan realiti dan tradisi masyarakat. Begitu juga dengan masyarakat Arab yang memiliki peribahasa yang kaya dan penting dalam aspek lafaz dan maksud yang mengandungi kata-kata yang indah, mengangkat darjat percakapan, menggerakkan jiwa melalui hafalan dan mudah dihafal (Ali & Teh, 2011). Peribahasa dalam bahasa Arab disebut sebagai *مثال* (*mathal*) dan dalam bentuk jamak disebut sebagai *الأمثال* (*amthal*) (Ahmad & Hamid, 2021). Masyarakat Arab berusaha memastikan bahawa warisan khazanah bangsa Arab ini terus kekal bersama peredaran zaman dengan mempelbagaikan karya *mathal*. Karya agung *mathal* yang dikagumi adalah buku *Majma' al-Amthal* yang ditulis oleh al-Maydaniy (Ali & Teh, 2011).

Peribahasa Arab muncul sebelum 1450 dahulu dan kajian telah mendapati bahawa terdapat pengaruh peribahasa Arab dalam peribahasa Melayu yang wujud sejak 120 tahun dahulu (Ahmad & Abidin, 2022) iaitu, persamaan agama Islam yang didatangkan oleh pedagang-pedagang Arab ke Tanah Melayu. Oleh sebab itulah, salah satu peribahasa Arab yang terkenal iaitu *من جد وجد* atau terjemahannya “Sesiapa yang berusaha pasti berjaya” begitu popular dalam kalangan orang Islam. Dalam perniagaan, persaingan adalah lumrah (Halim & Haron, 2020) dan merupakan risiko paling atas dalam persekitaran kerja seorang usahawan. Ekoran itu, konsep rezeki menurut Islam berkait rapat dengan *qada* dan *qadar* dalam agama Islam. Walau bagaimanapun, perlunya usaha dan ikhtiar terlebih dahulu untuk memperolehi hasil yang diinginkan dan menyerahkan urusan seterusnya keada Allah.

Secara keseluruhannya, dapat dinyatakan bahawa peribahasa wujud dalam semua bangsa di dunia. Kewujudannya hasil dari pengalaman dan pemerhatian masyarakat zaman

dahulu menggambarkan akal budi penuturnya. Penggunaannya sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan menggambarkan corak kehidupan dan gagasan pemikiran sesuatu bangsa.

### **Sorotan Kajian**

Kajian berkaitan makna peribahasa semakin meluas dalam kalangan sarjana bahasa. Pelbagai pendekatan dapat dilihat untuk menganalisis makna peribahasa bermula daripada makna permukaan sehingga ke akar umbinya. Peribahasa merupakan bahasa kiasan yang bersifat padanan hasil dari pemerhatian dan mengasosiasikannya dengan sumber alam (Hamzah & Hassan, 2011). Kebijaksanaan masyarakat dahulu terbukti dengan terciptanya peribahasa yang sarat dengan makna melalui pemilihan lambang dan frasa. Peribahasa tidak boleh ditafsir secara harfiah kerana lambang adalah simbolik kepada makna sebenar dan mempunyai mesej yang hanya boleh difahami oleh penutur dan pendengar bahasa itu sahaja. Justeru, untuk mengupas makna sebenar dan asbab pemilihan lambang, teori-teori semantik seringkali digunakan untuk mencungkil makna dan tafsiran lambang dengan lebih mendalam. Ekoran itu, salah satu cara mencungkil makna peribahasa adalah melalui pendekatan semantik inkuisitif oleh Jalaluddin (2014). Semantik inkuisitif adalah satu proses bagi mendalami makna sebenar yang membawa kepada falsafah dan akal budi (Nasir & Subet, 2019) yang hanya dapat dicapai melalui eksplorasi, memahami dan mencari jawapan kepada persoalan di sebalik penggunaan lambang.

Semantik inkuisitif dilihat semakin mendapat tempat dalam dunia pengkajian makna peribahasa kerana pendekatan ini dilihat sebagai satu rangka kerja baru yang berfokus kepada analisis pertukaran maklumat linguitik (Ciardelli et al., 2019). Banyak kajian eksplorasi maklumat yang menggunakan semantik inkuisitif, contohnya kajian berkaitan refleksi negatif burung gagak oleh Daud et al. (2021) yang mendapati bahawa masyarakat Melayu masih mengasosiasikan burung gagak dengan perkara negatif walaupun burung ini mempunyai sifat positif. Data kajian yang disaring berdasarkan Kamus Peribahasa Melayu Edisi Kelima oleh Rahman (2017), Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua oleh Hussain (2016) serta Kamus Peribahasa Melayu oleh Said (2013) membincangkan sisi positif dan negatif burung gagak dalam masyarakat Melayu. Dalam kajian ini terdapat 3 tahap yang dibincangkan berdasarkan data persampelan peribahasa yang digunakan. Tahap tersebut adalah Tahap 1 (Semantik Skrip), Tahap 2 (Semantik Resonans) dan Tahap 3 (Semantik Inkuisitif). Tahap 1 merujuk kepada makna secara harfiah iaitu makna dasar, Tahap 2 merujuk kepada maklumat kognitif oleh pendengar yang diproses, dan Tahap 3 pula menjawab persoalan 'kenapa' perlambangan gagak digunakan sehingga dapat menyerlahkan akal budi Melayu yang menjadi budaya dalam masyarakat Melayu. Hasil daripada perbincangan yang dibuat dijelaskan bahawa masyarakat Melayu pada zaman dahulu tidak hanya melihat imej perlambangan burung gagak secara "mata zahir", tetapi dengan "mata hati" yang menyerlahkan lagi akal budi masyarakat Melayu yang tajam melalui pemerhatian dan pengalaman dalam memerhati tindak tanduk burung gagak.

Selain itu, kajian berkaitan konsep kuasa melalui perlambangan gajah dan harimau yang dilakukan oleh Nopiah et al. (2023) akan dibincangkan secara terperinci. Dalam kajian ini lapan peribahasa yang berobjekkan 'gajah' dan 'harimau' telah dikenal pasti untuk dikaji bagi melihat persamaan ciri-ciri fizikal yang ada pada kedua-dua haiwan tersebut serta konsep kekuasaan yang dimiliki. Kekuatan gajah dikatakan terletak kepada 'saiznya', manakala kekuatan harimau pula terletak kepada 'belangnya'. Kajian ini merupakan kajian bersifat kualitatif dan melibatkan data sekunder, iaitu peribahasa Melayu yang diambil dari pangkalan data [www.malaycivilization.com](http://www.malaycivilization.com) dan Kamus Peribahasa Istimewa Peribahasa Melayu oleh Hussain (2016).

Perbincangan ini dibuat dengan merujuk kepada Konsep Rangka Rujuk Silang (RRS) yang diperkenalkan oleh Kempson (1986). melalui konsep RRS ini pembaca dapat mentafsirkan makna ujaran berkenaan peribahasa dirujuk dengan mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama. Gabungan RRS ini dengan ilmu tambahan masyarakat yang diperoleh melalui pemerhatian dan pengalaman mampu menghasilkan huraian makna kiasan Melayu yang menunjukkan akal budi masyarakat Melayu. Pemerhatian masyarakat Melayu yang meneliti setiap apa yang ada di sekelilingnya, telah membawa kepada kewujudan peribahasa yang berobjek alam, termasuklah yang berunsurkan flora mahupun fauna. Peribahasa 'Harimau menunjukkan belangnya' secara harfiahnya telah dikaitkan dengan elemen kekuasaan.

Seterusnya dalam kajian oleh Kasdan & Nopiah (2021), simbol padi digunakan sebagai perlambangan resam padi yang menunduk membawa maksud sifat rendah diri. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif, iaitu menyelesaikan semangat ingin tahu maksud peribahasa yang dirujuk. Pengkaji menggunakan rujukan subjek peribahasa yang bersumberkan leksikal padi dan mendapati resam padi mendominasi sifat sebagai subjek makna dalam peribahasa Melayu. Sifat padi yang menunduk ke bumi semakin lama semakin berisi dilambangkan sebagai tidak sombong. Perlambangan ini dikaitkan dengan seseorang yang dapat memberi manfaat kepada orang lain dengan tidak menggunakan kesempatan yang ada untuk dirinya sendiri dan tidak berlagak sombong. Peribahasa yang dirujuk dalam kajian ini menggunakan kaedah Rangka Rujuk Silang (RRS). Sifat rendah diri yang dikaitkan dengan resam padi ini menyamai sifat baik yang diajar dalam ajaran Islam, iaitu untuk menghilangkan sifat 'takabbur' bagi mendapatkan sebuah kehidupan yang sejahtera dan harmoni. Kekreatifan masyarakat Melayu dalam berbahasa melalui peribahasa yang dicipta menunjukkan bahawa akal budi Melayu yang sangat tinggi. Mereka juga cekap dalam memahami kandungan atau sifat sesuatu benda berdasarkan semangat ingin tahu yang ada. Jelas bahawa peribahasa yang dicipta oleh masyarakat Melayu dahulu bukanlah sekadar ungkapan kosong yang menarik, tetapi sebaliknya tersembunyi ilmu dan falsafah yang tinggi seandainya kita mengamatinya dengan teliti.

Sementara dalam kajian oleh Jafli (2022), aspek semantik menjadi fokus utama dalam pengkajian. Sebanyak tiga peribahasa yang berbeza dalam bahasa Melayu Sarawak, bahasa Iban dan bahasa Melanau dikaji untuk melihat perbezaan aspek inkuisitif. Kajian ini menggunakan pendekatan Teori Relevans dan Rangka Rujuk Silang (RSS) untuk mengkaji istilah atau lambang yang digunakan. Pemilihan peribahasa ini menunjukkan pemikiran masyarakat tentang nilai dan pesanan yang hendak disampaikan melalui kiasan yang dirujuk. Peribahasa ini jika dilihat dari segi makna, semuanya menyampaikan maksud yang berbeza akan tetapi berkongsi persamaan, iaitu untuk memberi pesanan atau teguran kepada masyarakat sebagai pengajaran dan peringatan bersama. Walaupun peribahasa yang dipilih berbeza mengikut kaum utama di Sarawak tetapi unsur-unsur yang digunakan mencerminkan kelestarian alam yang terdapat di persekitaran negeri Sarawak. Kesemua unsur yang terdapat di dalam peribahasa ini dianalisis menggunakan semantik inkuisitif yang terbahagi kepada 3 tahap yang berbeza, iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif.

Pendekatan semantik inkuisitif ini juga turut digunakan dalam kajian peribahasa negara luar seperti kajian oleh Yahfis et al. (2024). Kajian ini menggunakan pendekatan Analisis deskriptif dengan data dianalisis secara kualitatif. Unsur rujukan bagi peribahasa yang dikaji ialah batu dengan melihat perbandingan hubungan batu-emas sebagai buruk dan tidak indah, serta hubungan batu-intan yang dilihat sebagai bernilai rendah dan tidak berharga. Dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI, 2016), batu bererti benda keras dan padat yang berasal dari bumi atau planet lain, tetapi bukan logam. Sementara dalam peribahasa Melayu, batu diibaratkan sebagai sesuatu yang keras, berat, sesuai dengan bentuk dan sifat aslinya.

Pendekatan semantik inkuisitif yang digunakan memperlihatkan proses kognitif yang terlibat semasa menganalisis data.

Kajian berikutnya oleh Penggesa et al. (2024) melihat rujukan bunga digunakan di dalam peribahasa. Sebanyak empat peribahasa dianalisis dengan menggunakan 3 tahap, iaitu tahap semantik skrip untuk mengetahui makna secara umum atau kamus, tahap semantik kognitif untuk memahami makna berdasarkan hubungan dengan masyarakat pengguna peribahasa, dan terakhir tahap semantik inkuisitif untuk menemukan alasan penggunaan objek bunga dalam peribahasa Melayu dengan pemikiran aras tinggi serta gabungan berbagai disiplin ilmu. Tidak seperti rujukan batu dalam kajian oleh Yahfis et al. (2024), unsur bunga yang dipilih sebagai objek peribahasa dalam masyarakat Melayu menunjukkan makna sesuatu yang baik. Hal ini dapat dilihat dari erti bunga, iaitu sebuah tumbuhan yang cantik, lembut dan memiliki bau yang harum.

Memandangkan kajian perbandingan antara bahasa dan budaya kurang diselidiki, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti lambang yang digunakan dalam tiga peribahasa, iaitu peribahasa Melayu, peribahasa Sepanyol (*refrán*) dan peribahasa Arab (*al-mathal*) yang bertemakan usaha, seterusnya mengupas makna dan asbab pemilihan lambang dalam ketiga-tiga bahasa tersebut terutamanya dalam bidang ekonomi atau perniagaan dengan mengaplikasikan semantik inkuisitif.

### Metodologi Kajian


Penyelidik menggunakan kaedah kualitatif, iaitu analisis teks untuk menganalisis tiga peribahasa, iaitu satu peribahasa Melayu, satu peribahasa Sepanyol dan satu peribahasa Arab yang bertemakan usaha dalam aspek ekonomi. Data peribahasa dipilih secara persampelan bertujuan yang akan dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif oleh Jalaludin (2014) dan pengaplikasian Rangka Rujuk Silang oleh Kempson (1986). Analisis data dilakukan dengan melibatkan data sekunder yang diperolehi daripada laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi peribahasa Melayu dan data peribahasa Sepanyol diperolehi daripada buku elektronik (*e-book*) *Dichos O Refranes Compendio Temático* (2016) oleh Flores-Huerta. Manakala data peribahasa Arab diperolehi daripada buku *Diwan Al-Imam As-Syafie* (1997) oleh Abdul Rahim.

Pemilihan laman sesawang PPRM sebagai sumber utama data peribahasa Melayu ini adalah kerana PPRM merupakan badan pemertaban bahasa Melayu yang menyimpan koleksi peribahasa yang sahih dan praktikal untuk kajian peribahasa. Bertepatan dengan tema peribahasa kajian ini, iaitu tema usaha PPRM menyediakan maklumat yang tepat dan contoh situasi yang tepat untuk setiap peribahasa. Pemilihan buku (*e-book*) *Dichos O Refranes Compendio Temático* pula adalah kerana peribahasa yang terkandung dalam buku ini telah dikelompokkan berdasarkan tema yang memudahkan peribahasa ditemui mengikut konteks yang diperlukan. Buku ini juga menjelaskan pelajaran moral dan pengetahuan warisan dan budaya sama ada dalam kehidupan seharian atau dalam konteks budaya yang lebih luas. Bersesuaian dengan tema usaha dalam kajian ini, buku ini didapati sesuai digunakan sebagai rujukan dan pemilihan peribahasa yang tepat untuk dihuraikan. Manakala pemilihan buku peribahasa Arab pula, iaitu *Diwan Al-Imam As-Syafie* (1997) pula adalah kerana Imam As-Syafie merupakan ulama agung di hati orang Islam di Malaysia dan pemilik peribahasa yang indah dan penuh Islamik. Tambahan pula buku ini mengandungi nilai tambah dalam kajian peribahasa dan berfungsi sebagai panduan dan nasihat dalam kehidupan yang bersesuaian dengan semua konteks. Memandangkan kajian ini berfokus kepada tema usaha dalam peribahasa, buku ini

didapati berwibawa untuk dijadikan korpus kajian kerana terdapat peribahasa yang sesuai untuk dikupas dan dihuraikan.

Kaedah temu bual juga dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat tambahan terhadap penutur asli yang terdiri daripada seorang penutur asli bahasa Melayu (informan 1), dua org penutur asli bahasa Sepanyol (informan 2 dan 3) dan seorang penutur asli bahasa Arab (informan 4). Bagi penutur asli bahasa Sepanyol, dua orang informan dipilih kerana maklumat yang diperolehi dari seorang penutur asli kurang lengkap dan ini memerlukan maklumat tambahan daripada seorang lagi penutur asli bagi memberi maklumat dan gambaran dengan lebih menyeluruh tentang peribahasa yang telah dipilih. Oleh sebab itu, sebanyak dua orang penutur asli bahasa Sepanyol dipilih dalam kajian ini.

Untuk melaksanakan kajian ini, pendekatan semantik inkuisitif telah dipilih kerana kaedah ini mengupas makna peribahasa dari peringkat dasar, perkaitan dengan kognitif sehingga ke akal budi penuturnya disamping mencungkil asbab sesuatu lambang itu dipilih. Berikut merupakan paparan pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Jalaluddin (2014).



Rajah 1: Pendekatan Semantik Inkuisitif (Jalaluddin, 2014)

Memandangkan kajian ini kajian berkaitan tiga peribahasa yang berbeza bahasa dan budaya, pendekatan semantik inkuisitif didapati bersesuaian bagi mencungkil makna sebenar dan sebab sesuatu lambang itu digunakan mengikut budaya masyarakat asal penutur bahasa itu. Semantik inkuisitif bermula pada tahap 1 atau dikenali sebagai semantik skrip di mana makna peribahasa yang dikaji hanya di peringkat harfiah atau makna permukaan sahaja. Pada peringkat ini, makna peribahasa hanya melibatkan kognitif penutur sahaja tanpa adanya huraian yang lebih mendalam. Di sini perlunya tahap 2, iaitu semantik resonans yang melibatkan data, teori dan kognitif untuk menghuraikan dengan lebih mendalam tentang makna sebenar peribahasa. Walau bagaimanapun, kedua-dua tahap ini masih belum mencukupi kerana semantik skrip hanya melibatkan tafsiran yang membentuk makna tersurat, manakala semantik resonans pula mengambil kira data, teori dan kognitif secara tersirat (Daud, 2018). Oleh sebab itu, perlunya tahap 3 atau semantik inkuisitif untuk mencungkil makna sebenar sehingga ke akal budi penuturnya. Hal ini kerana, semantik inkuisitif mengambil kira semua aspek seperti data autentik, semantik, kognitif, konteks, budaya seterusnya akal budi.

Justeru, setiap peribahasa yang dipilih akan dianalisis berpandukan contoh petikan ayat dalam konteks perniagaan. Contoh ayat yang menggunakan peribahasa Melayu diperolehi daripada laman sesawang berita harian yang ditulis oleh Noraniza Azmi (2021), manakala contoh ayat yang menggunakan peribahasa Sepanyol pula diperolehi daripada Sayo Pelayo (2023), iaitu pencipta kandungan (*content creator*) media sosial Tik Tok. Contoh petikan ayat



yang menggunakan peribahasa Arab pula diperolehi dari laman sesawang *Al Watan* (الوطن) oleh Muhammad Saqr (2023). Ketiga-tiga contoh ayat ini dianalisis dengan menggunakan Rangka Rujuk Silang bagi menjelaskan lagi makna peribahasa Melayu yang berkaitan dengan perniagaan.

### Dapatan dan Perbincangan

Peribahasa 1: Pengayuh sayang dibasahkan, sampan takkan sampai ke seberang

Tahap 1: Semantik skrip

Pada peringkat ini, makna peribahasa hanya di peringkat permukaan atau dasar sahaja. Peribahasa “pengayuh sayang dibasahkan, sampan takkan sampai ke seberang” bermaksud tak akan tercapai maksudnya, kalau tak mahu berusaha”. Di sini jelas menunjukkan makna permukaan peribahasa ini yang merujuk kepada situasi seseorang yang tidak mahu bersusah payah atau pengayuh yang tidak dibasahkan, maka matlamat tidak akan dapat dicapai atau sampan tidak akan sampai ke seberang.

Tahap 2: Semantik resonans

Perspektif semantik resonans dapat dilihat melalui contoh ayat berikut di mana pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) diaplikasi.

**\*\*\*Pengayuh sayang dibasahkan, sampan takkan sampai ke seberang\*\*\*.**

Untuk membina perniagaan bukanlah satu perkara mudah. Hakikatnya jika tidak

mahu mencuba atau berani menempuh cabaran, belum pasti kejayaan akan dikecapi.

Dalam contoh ayat di atas, frasa “jika tidak mahu mencuba atau berani menempuh cabaran” dirujuk silang dengan frasa “pengayuh sayang dibasahkan”. Hal ini menunjukkan makna tersirat peribahasa yang merujuk kepada perlunya berusaha dan berani mencuba untuk mengharungi cabaran dunia perniagaan dalam usaha menjana keuntungan. Umum mengetahui bahawa cabaran dunia perniagaan sangat rencam dengan ketidaktentuan iklim ekonomi boleh mengundang risiko kerugian yang tinggi. Bagi masyarakat Melayu, selagi tidak mencuba, kejayaan tidak akan dicapai. Perkara ini jelas dilihat dalam frasa “pengayuh sayang dibasahkan” dan hal ini diperkukuh lagi dengan premis tambahan, iaitu “untuk membina perniagaan bukanlah satu perkara yang mudah”. Ini menjelaskan lagi makna peribahasa bahawa sesuatu yang sukar dilaksanakan bergandingan pula dengan sikap tidak mahu mencuba atau enggan keluar dari takuk lama, maka hasilnya adalah kegagalan.

Seterusnya, frasa “belum pasti kejayaan akan dikecapi” dirujuk silang dengan frasa “sampan takkan sampai ke seberang” yang merujuk kepada kejayaan belum tentu dicapai sekiranya tidak berusaha bersungguh-sungguh. Secara dasarnya, sampan memerlukan pengayuh untuk membolehkannya belayar. Secara kognitif, masyarakat Melayu melihat sesuatu perkara atau pekerjaan tidak akan memperolehi hasil tanpa adanya usaha atau keberanian

untuk mencuba. Frasa “sampan yang takkan sampai ke seberang” menjelaskan bahawa apa saja niat atau keinginan untuk berjaya, sekiranya tiada sebarang usaha untuk bermula dan keberanian mengambil risiko, semuanya akan menjadi sia-sia. Namun, dengan semangat yang tinggi dan usaha yang berterusan memungkinkan kejayaan mampu dicapai. Justeru, contoh ayat ini telah menjelaskan interpretasi makna yang berhubung kait dengan tema peribahasa ini.

### Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Mengapa masyarakat Melayu menggunakan frasa “pengayuh sayang dibasahkan” bagi merujuk kepada ayat “kalau tidak mahu berusaha” bagi memperolehi sesuatu? Masyarakat Melayu amat menitikberatkan sifat bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu pekerjaan, terutamanya dalam usaha mencari rezeki. Melihat kepada makna harfiah peribahasa ini, masyarakat Melayu lama tidak mencipta peribahasa tanpa logik akal. Pengaplikasian lambang “sampan” menunjukkan gaya fikir dan akal budi masyarakat Melayu melalui pengamatan dan penelitian jitu terhadap fungsi dan sifat sampan. Dalam konteks ini, keengganan mengayuh sampan umpama satu angan-angan atau tidakan yang tidak akan mencapai matlamat atau tujuan. Bagi masyarakat Melayu, peribahasa ini mengungkap bahawa usaha yang berterusan untuk memulakan sesuatu, pasti akan mendapat pulangan yang sewajarnya. Jelas di sini nilai falsafah yang terdapat dalam budaya masyarakat Melayu bahawa hidup penuh dengan rintangan dan perlunya usaha yang konsisten untuk mencapai sesuatu matlamat.

Tamadun Melayu seperti tamadun-tamadun lain di dunia bermula di pinggir laut atau di kuala-kuala sungai (Abd Wahab et al. 2023). Kebanyakannya mendiami gugusan kepulauan Melayu yang hidup di pesisiran laut dan tebing sungai (Abdullah, 2017). Mereka berkebolehan mengembara dengan menjadi pelayar sama ada di sungai atau lautan kerana tradisi mengembara dan merantau merupakan salah satu faktor untuk membina kehidupan demi meningkatkan imej, taraf sosial dan juga ekonomi. Mereka menjadikan sungai dan laut sebagai jalan perhubungan bagi aktiviti perniagaan dan perdagangan serta menjadikan pusat pertemuan antarabangsa dalam urusan perdagangan maritim. Pengembara yang mengembara sendirian akan menggunakan sampan atau perahu bagi menyeberang atau merentasi sungai atau laut beserta pantang larang yang harus diikuti. Kepentingan laut dan sungai juga tidak dapat dipisahkan dengan budaya tamadun Melayu yang memerlukan pengangkutan untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain atau dari pulau ke pulau untuk membawa barangan atau dagangan. Justeru, penggunaan sampan dan perahu sebagai alat pengangkutan utama menjadi satu keperluan bagi menjalankan rutin harian.

Menurut Kamus Dewan (2015), sampan merupakan sejenis perahu kecil yang mempunyai berbagai jenis seperti sampan kolek, sampan kotak, sampan ludang dan sampan payang. Selain digunakan untuk memancing atau menangkap ikan, sampan juga digunakan sebagai alat pengangkutan ikan dari perahu di laut, alatan mengangkut, logistik atau alat kelengkapan untuk penangkapan dan penampungan ikan untuk dibawa ke daratan (Hasbullah, 2020). Sampan tradisional biasanya diperbuat daripada kayu, jadi untuk membolehkan sampan bergerak di dalam air, perlu menggunakan pengayuh atau pendayung. Pada peringkat awal galah, pengayuh dan dayung digunakan untuk menggerakkan sampan sebelum penggunaan layar. Menurut informan 1, pengayuh sampan akan basah apabila dimasukkan ke dalam air untuk mengayuh atau mendayung bagi melayari sampan. Pengayuh dan sampan ibarat “dua beradik”. Kedua-duanya perlu ada bagi menggerakkan sampan. Sekiranya pengayuh disimpan dan tidak digunakan untuk mendayung, sampan tidak boleh belayar dan tidak akan sampai ke seberang. Oleh itu, hasil kefahaman dan pengamatan inilah yang mencetuskan idea orang Melayu untuk menjadikan “sampan dan pengayuh” sebagai lambang peribahasa.

Hari ini, kepelbagaian aktiviti ekonomi orang Melayu telah membuka ruang perniagaan melalui kepelbagaian produk yang boleh diniagakan bagi meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat. Sehingga kini, pihak kerajaan turut membantu rakyat seperti para nelayan dengan melaksanakan bantuan pengurusan dan penambah baikkan program pembangunan bandar dan desa (Puteh & Sa'at, 2014) dengan menjana peluang ekonomi dan penglibatan mereka dalam sektor perniagaan kecil seperti penjaja, peniaga runcit atau menjadi orang tengah (Abdullah, 2015). Kerajaan juga telah memperkenalkan dasar ekonomi baru (DEB) sejak tahun 1970 dengan harapan dapat membasmi kemiskinan. (Mad et al. 2020) Namun, sekiranya rakyat sendiri tidak berusaha mengambil peluang yang disediakan, maka peningkatan taraf hidup gagal dicapai seperti mana mesej dalam peribahasa ini. Justeru, melihat kepada fungsi sampan oleh masyarakat Melayu dahulu, penggunaannya sebagai lambang didapati bersesuaian dengan makna dan mesej yang hendak disampaikan.

Peribahasa 2: *Roma no se hizo en un día* (Rom tidak dibina dalam satu hari)

Tahap 1: Semantik skrip

Peribahasa "*Roma no se hizo en un día*" membawa maksud untuk mencapai sesuatu yang penting dan sukar, ia memerlukan masa dan usaha yang berterusan. Bagi menjelaskan maksud harfiah peribahasa ini, setiap leksikal akan diterjemahkan supaya lebih mudah difahami.

Peribahasa	<i>Roma</i>	<i>no</i>	<i>se hizo</i>	<i>en</i>	<i>un</i>	<i>día</i>
Terjemahan	Rom	tidak	dibina	dalam	satu	hari

Analisis pada tahap satu ini hanya berkisar kepada makna dasar sahaja. Justeru, analisis pada peringkat seterusnya perlu dilakukan untuk melihat perkaitan antara makna sebenar peribahasa dengan kognitif penutur dan pendengar.

Tahap 2: Semantik resonans

Pendekatan semantik resonans dapat dilihat dalam contoh ayat berikut dan terjemahannya dianalisis menggunakan RRS.

*"La motivación es temporal, para lograr cosas chidas tienes que tener disciplina y si hoy no la tienes, es algo que puedes trabajar poco a poco, Roma no se hizo en un día".*

Motivasi adalah sementara, untuk mencapai perkara yang hebat anda perlu mempunyai disiplin dan jika anda tidak memilikinya hari ini, ia adalah sesuatu yang anda boleh usahakan sedikit demi sedikit. \*\*\*Rom tidak dibina dalam sehari\*\*\*

Berdasarkan data di atas, peribahasa 'Rom tidak dibina dalam sehari' dirujuk silang dengan frasa 'boleh usahakan sedikit demi sedikit'. Frasa ini memberi kejelasan maklumat yang merujuk kepada usaha yang berterusan di samping kesabaran dalam jangka masa yang diperlukan sebelum berjaya mencapai kejayaan. Melihat kepada konteks keseluruhan peribahasa ini, pembaca atau pendengar dapat memahami maksud implisit secara keseluruhan melalui rujukan pengalaman terdahulu, iaitu faktor sejarah. Frasa tersebut jelas merujuk kepada permulaan dalam perniagaan secara kecil-kecilan dengan modal yang sedikit tetapi perlunya usaha yang

konsisten. Maklumat tambahan dalam ayat “untuk mencapai perkara yang hebat, anda perlu mempunyai disiplin” adalah mesej yang menjelaskan perlunya mempunyai disiplin yang tinggi supaya usaha yang dilakukan membuahkan hasil. Walaupun peribahasa ini berperanan sebagai medium motivasi, tetapi ia bersifat sementara sekiranya tiada disiplin dalam rutin harian seorang usahawan. Justeru, maklumat tambahan ini mengukuhkan makna implisit peribahasa ini, iaitu perlunya perancangan strategi, kecekalan, keberanian dan tingkat usaha yang berterusan untuk memperkenalkan produk seterusnya berupaya mengekalkannya dalam pasaran. Semua perkara ini menuntut kesabaran, kecekapan dan kerja keras kerana kejayaan hanya dapat dicapai sekiranya para usahawan memiliki semua kriteria ini.

Keupayaan kognitif masyarakat Sepanyol dalam pembentukan peribahasa bukan hanya sekadar ungkapan, tetapi berperanan sebagai medium motivasi terbaik untuk menyuntik semangat peniaga tatkala perasaan putus asa mula dirasai. Perkara ini menunjukkan bahawa wujudnya perkaitan kognitif yang menghubungkan makna peribahasa ini dengan keupayaan menyerap mesej yang disampaikan berlandaskan budaya masyarakat Sepanyol yang berkait rapat dengan kesabaran dalam membina reputasi positif sebelum dapat mengecapi kejayaan dan kestabilan dalam perniagaan.

### Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Mengapa Rom diangkat menjadi lambang peribahasa? Justeru, semangat ingin tahu mengapa Rom dijadikan lambang mendorong penyelidik untuk merungkai persoalan ini. Oleh itu, kaedah semantik inkuisitif diaplikasikan bagi mengupas secara terperinci mengapa Rom diangkat menjadi lambang dan tentunya ada nilai falsafah disebalik penggunaannya sebagai lambang.

Rom adalah nama sebuah tempat atau kota yang terletak di Itali. Berdasarkan cerita legenda, Rom diasaskan oleh dua saudara kembar, yang bernama Romulus dan Remus pada 21 April 753 SM (Carlotto, 2022), bermula dari sebuah wilayah kecil berhampiran sungai Tiber dalam wilayah Latium. Rom dikenali sebagai sebuah kota yang hebat, namun kehebatan yang dimiliki Rom bukanlah diperolehi dengan cara yang mudah. Semuanya bersaksikan pelbagai peristiwa bersejarah yang berisi pertempuran, pertumpahan darah dan pemimpin silih berganti sebelum terbinanya Rom sebagai sebuah empayar agung. Semua ini melalui tempoh masa yang sangat lama sehingga Rom menjadi sebuah tamadun hebat di era kegemilangannya. Rom telah membuktikan pencapaiannya dengan membangunkan sebuah bandar yang kukuh dan terkenal walaupun mengambil masa yang lama. Pencapaian tamadun Rom menggambarkan kehebatan tamadun barat pada ketika itu apabila berjaya menguasai separuh benua Eropah termasuk wilayah Britain yang disebut sebagai pengasas ketamadunan bangsa Eropah.

Menelusuri sejarah Rom, tamadun Rom merupakan tamadun awal seiring dengan tamadun Yunani yang muncul di benua Eropah seawal tahun 3500 SM (Ramli, 2022). Rom terkenal sebagai sebuah empayar yang hebat dalam pentadbiran, kemajuan teknologi, ketenteraan serta pengaruh budaya yang gemilang. Kegemilangan Rom selama 200 tahun bermula ketika era pimpinan Agustus pada 27 SM sehingga 180 M berdasarkan penguasaan tiga benua, iaitu benua Eropah, benua Asia dan benua Afrika (Sivachamdralingam, 1996, seperti dirujuk dalam Yaacob, 2021). Zaman *Pax Romana* membuktikan kehebatan dalam sistem pemerintahan dan pengaruh Rom yang merangkumi kestabilan politik, sosial dan ekonomi. Rom terkenal dengan pengaruh seni bina pada bangunan pentadbiran dan perniagaan (Surat et al., 2011) yang dijadikan model atau garapan idea dalam pembinaan era baru. Reka bentuk bangunan seperti *colloseum* yang merupakan panggung terbuka dan pembinaan *pantheon* adalah gambaran kemegahan dan kecekapan kejuruteraan seni bina Rom pada ketika itu.

Pembahagian tamadun Rom bermula dengan tiga zaman, iaitu zaman beraja (753-509 SM), zaman republik (509-27 SM) dan zaman empayar (27 SM-476M) (Yaacob, 2021). Zaman beraja menyaksikan struktur pemerintahan Rom melalui pimpinan pentadbiran secara langsung oleh raja sebagai pemegang kuasa dalam bidang pentadbiran, sebagai panglima perang dan ketua angkatan tentera dalam bidang ketenteraan, pembuat keputusan dan melaksanakan undang-undang dalam bidang kehakiman, malahan bertindak sebagai ketua agama. Walau bagaimanapun, sistem beraja Rom berakhir pada 509SM dan bermulanya zaman republik yang memperlihatkan keseimbangan antara badan perundangan, eksekutif dan badan kehakiman. Majistret dilantik bagi mengetuai pemerintahan republik yang mempunyai kuasa perundangan dan ketenteraan manakala majlis atau senat diwujudkan sebagai penasihat kepada hubungan luar, cukai, kewangan, pemerintahan dan undang-undang. Terdapat juga dewan perhimpunan yang berperanan sebagai badan perundangan yang dianggotai oleh golongan *Patrician* (bangsawan) dan *Plebian* (orang biasa) yang mempunyai kuasa untuk mengisytiharkan peperangan, mengeluarkan perintah raja dan menyerahkan surat keamanan selepas peperangan tamat.

Setelah berakhirnya zaman republik, bermulanya era kegemilangan tamadun Rom melalui sistem empayar pada 27SM yang melahirkan zaman keemasan yang digelar *Pax Romana* (zaman keamanan) oleh Augustus selama 200 tahun. Pada zaman ini, kekuatan sistem pemerintahan yang kukuh Rom menjadi tunggak kepada pembaharuan dalam petadbiran kerajaan seperti pengumpulan cukai, berlian, import dan eksport barang dagangan dan perkembangan pesat sektor pertanian dan hartanah, pembangunan ekonomi, perkembangan infrastruktur dan kestabilan politik. Pelbagai kemajuan dan perkembangan infrastruktur seperti bangunan-bangunan awam, sistem jalan raya, sistem saliran yang baik telah menandai zaman ini di samping kemajuan budaya dan perkembangannya agama yang telah menyumbang kepada kestabilan ekonomi dan kepesatan pusat perdagangan.

Bagi masyarakat Sepanyol, kemajuan yang dicapai oleh Rom selepas melalui fasa tiga zaman bukanlah satu jangka masa yang singkat. Informan 2 dan 3 berpendapat, empayar Rom adalah yang terbesar dan pembinaannya memerlukan masa, ketabahan dan harus berjuang kerana sesuatu yang hebat tidak dicapai dalam sekelip mata. Pelbagai peristiwa seperti pemerintah silih berganti, pertukaran sistem pemerintahan, ketegangan dan cabaran pemberontakan, kesemua faktor ini memerlukan tahap kecekalan dan kerjasama berpasukan yang kukuh, yang menjadi penyumbang kepada pembinaan kota Rom yang besar dan kompleks. Walaupun pelbagai spekulasi mengenai kemerosotan Rom seperti faktor peperangan dan runtuhnya empayar Rom di tangan kuasa besar Islam serta kegagalan pihak gereja menjalankan peranan telah meletakkan Eropah berada dalam zaman kegelapan atau '*Dark age*' (Yaacob, 2021), semua ini tidak menghalang masyarakat Sepanyol untuk menjadikan Rom sebagai simbol sebuah kejayaan. Hal ini kerana pembentukan tamadun Rom yang bermula dari sebuah perkampungan kecil sehingga menjadi sebuah empayar agung menjadi contoh dan inspirasi kepada masyarakat Sepanyol sehingga hari ini. Melalui analisis ini juga, jelaslah bahawa akal budi dan falsafah masyarakat Sepanyol terjelma dalam peribahasa ini.

Peribahasa 3: وَالسَّهْمُ لَوْلَا فِرَاقُ الْقَوْسِ لَمْ يَصِبْ (Anak panah jika tidak berpisah dari busur, maka tiadalah sasaran)

Tahap 1: Semantik skrip

Peribahasa ini merujuk kepada perlunya berusaha dan keberanian untuk melakukan perubahan bagi mencapai apa yang diinginkan. Terjemahan setiap perkataan dilakukan bagi menjelaskan makna dasar atau makna permukaan peribahasa ini supaya lebih mudah difahami.

Peribahasa	لم يصب	القوس	لا فراق	لو	والسهم
Terjemahan	Tidak mengenai (sasaran)	Busur itu	Tidak berpisah	jika	Anak panah

Tahap 2: Semantik resonans

Dalam contoh ayat berikut, pendekatan semantik resonans dapat dilihat melalui terjemahan peribahasa Arab ini ke dalam bahasa Melayu dengan menggunakan Rangka Rujuk Silang.

الأفكار التي تأتي من داخل المؤسسات وعلى أيدي موظفيها، هي التي تعالج القصور وتعيد ترتيب الأولويات في التطوير والابتكار، فالمسؤولون الذين لا يدعمون الأفكار أو يناقشونها لمعرفة جدواها على الأقل وتجربتها قبل تعميمها، لا بد أن يستوعبوا مقولة الشاعر... والسهم لولا فراق القوس لم يصب

Idea yang dicetuskan oleh institusi dan para pekerja mereka adalah untuk menangani

kekurangan, menyusun semula keutamaan dalam pembangunan inovasi... Maka

wajib kepada semua untuk memahami kata-kata penyair, " ...\*\*\***Anak panah jika**

**tidak berpisah dari busur, maka tiadalah sasaran**\*\*\*.

Melalui contoh ayat di atas, tafsiran kognitif dapat dilihat dalam frasa “idea yang dicetuskan” dirujuk silang dengan leksikal “anak panah”, iaitu usaha yang harus dilakukan bertujuan untuk mencapai sasaran, iaitu kemajuan dan keuntungan. Melalui premis tambahan “untuk menangani kekurangan, menyusun semula keutamaan dalam pembangunan inovasi” memberi perlambangan kepada idea yang baik dalam usaha meningkat dan menambah baik kualiti kerja.

Keseluruhannya menjelaskan bahawa idea untuk pembangunan dan penambahbaikan organisasi dilihat sukar dicapai sekiranya dihantui kebimbangan untuk berubah dan keengganan menerima idea-idea baru dengan terus mengekalkan cara lama. Oleh itu, frasa “maka tiadalah sasaran” di sini menjelaskan makna implisit, iaitu keuntungan atau kejayaan gagal diperoleh sekiranya idea pembaharuan dan langkah proaktif yang diusulkan tidak diendahkan dengan berada di takuk lama. Justeru, leksikal ‘anak panah’ jelas memperlihatkan adanya hubung kait kognitif masyarakat Arab dengan mewakili anak panah sebagai tujuan atau target yang perlu dicapai dengan keberanian untuk keluar dari zon selesa. Perkara inil yang dizahirkan melalui leksikal “anak panah” yang seharusnya dilepaskan atau dipisahkan dari busur supaya mengenai sasaran atau target bagi keberhasilan menjana keuntungan dalam perniagaan.

Tahap 3: Semantik inkuisitif

Mengapa masyarakat Arab menggunakan anak panah dan tidak menggunakan lambang lain? Mesti ada nilai falsafah di sebalik penggunaannya. Menurut Kamus Dewan (2015), panah merupakan senjata yang terdiri daripada benda yang melengkung yang bertali (busur) serta benda tajam seperti seligi. Anak panah pula ialah benda tajam yang dilepaskan daripada busur. Panah atau سهم (*sahmun*) adalah sebahagian daripada budaya hidup masyarakat Arab kerana busur dan anak panah merupakan antara senjata yang digunakan dalam peperangan selain

daripada pedang dan tombak (Sukiman, 2015). Perang adalah tradisi masyarakat Arab dan pemanah adalah satu profesion terkait rapat dengan tradisi dan budaya bangsa Arab kerana kehidupan masyarakat Arab dahulu sebagai orang Badwi yang berpindah randah dan terdedah kepada musuh dan binatang liar (Ali & Teh, 2018) Kehidupan masyarakat Arab jahiliah yang mementingkan perkauman dan hidup berpuak-puak menuntut mereka bersifat berani, mahir menunggang kuda dan bermain senjata seperti pedang, panah dan lembing. Situasi ini menyumbang kepada pembentukan peribahasa Arab berlambangkan anak panah yang merujuk kepada peperangan. Selain digunakan sebagai senjata dalam peperangan, panah juga digunakan untuk berburu. Oleh sebab itu, orang Arab mengambil berat dan memberi perhatian lebih dalam ilmu memanah walaupun terdapat kemunculan pelbagai senjata baru.

Bagi masyarakat Arab, penggunaan anak panah adalah berlandaskan budaya peperangan yang menjadi tradisi sehingga diaplikasi dalam peribahasa yang diamalkan dalam komunikasi. Informan 4 berpendapat bahawa dalam perniagaan, lambang anak panah adalah simbolik kepada sasaran keuntungan yang ingin dicapai. Lambang anak panah mewakili keinginan, matlamat dan tujuan utama, iaitu keuntungan dan kestabilan empayar perniagaan. Justeru, bagi masyarakat Arab, idea-idea baru, strategi pemasaran dan perancangan rapi perlu dijana dan direalisasi bagi memberi perkhidmatan yang terbaik, umpama 'anak panah' yang perlu dilepaskan demi mencapai target atau sasaran yang tepat. Hal ini kerana motif perniagaan adalah keuntungan. Tambahan pula, kepesatan globalisasi dan arus pemodenan mendorong masyarakat Arab untuk bekerjasama bagi mencapai matlamat seperti perniagaan, pelancongan dan pendidikan (Mamat et al. 2023). Namun, usaha ini akan sia-sia sekiranya idea atau strategi yang dirancang tidak dilaksanakan umpama anak panah yang tidak dilepaskan, maka tiadalah sasaran atau kejayaan dapat dicapai. Perkara ini membuktikan akal budi dan falsafah masyarakat Arab menjadikan peribahasa ini sebagai medium motivasi supaya bersedia untuk keluar dari zon selesa sekiranya ingin berjaya (Ubaidillah, 2019).

### **Kesimpulan**

Berdasarkan perbincangan di atas didapati pendekatan semantik inkuisitif berwibawa untuk mencungkil makna dan sebab pemilihan lambang peribahasa sehingga ke akar umbinya. Pengaplikasian Rangka Rujuk Silang menjelaskan lagi kognitif penutur serta pemahaman makna sebenar melalui contoh ayat. Kajian ini memperlihatkan bahawa penciptaan peribahasa merupakan refleksi daripada budaya, pengalaman dan faktor sejarah dalam peribahasa Melayu, Sepanyol dan Arab. Walaupun berbeza bahasa dan budaya, kesemua perlambangan dalam ketiga-tiga peribahasa ini berjaya dicungkil asbab pemilihan dan akal budi penuturnya yang menjurus kepada usaha, sabar, tabah, cekal dan konsisten agar kejayaan dalam perniagaan dapat dicapai. Kajian ini diharapkan dapat membantu para penyelidik, guru, penterjemah serta pelajar dalam mempelajari dan memahami makna peribahasa serta pemilihan lambang demi kelestarian amalan berperibahasa. Harapan penyelidik, semantik inkuisitif ini dapat diaplikasikan lagi dalam pelbagai disiplin ilmu yang lain seperti karya seni perfileman, lagu dan iklan agar terus kekal relevan untuk generasi akan datang.

### **Penghargaan**

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Pusat Bahasa dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia atas kelulusan kertas kerja ini untuk dibentangkan. Kertas kerja ini dilaksanakan atas bimbingan dan sokongan Bahagian Penyelidikan dan Inovasi yang menawarkan Skim Geran Penyelidikan Jangka Pendek Fasa 1/2022 (UPNM/2022/GPJP/SSI/7)

## Rujukan

- Abdul Rahim, M. (1997). *Diwan Al-Imam As-Syafie* (1st ed.). Dar Al Fikr.
- Abdullah, A. R. T. (2015). Transisi ekonomi dalam masyarakat Melayu: Ekonomi wang era permulaan kapitalisme di Tanah Melayu. *Jurnal Kinabalu*, 21, 97-125.
- Abdullah, M. Y. (2017). *Ilmu Kelautan, Perahu Dan Pelayaran Melayu Terengganu*. [Paper presentation]. *Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu*. Diakses pada 12 Mei 2024 daripada <https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/pdf%20file/PKMM/ILMU%20KELAUTAN%20PERAHU%20DAN%20PELAYARAN%20MELAYU%20TERENGGANU.pdf>
- Abd Wahab, N., Bahri, N. A. S., & Mohamed, N. S. (2023). Tukang timbal: Kebijaksanaan akal dan teknologi tradisional dalam pembuatan perahu di Terengganu, 1900-1941. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 32(1), 46-70.
- Ahmad, W. A. W., & Abidin, A. F. M. Z. (2022). Membudayakan norma baharu melalui penghayatan nilai retorik dan psikologi dalam peribahasa Melayu dan Arab. Diakses pada 17 Oktober 2024, daripada [https://www.researchgate.net/publication/361321044\\_Membudayakan\\_Norma\\_Baharu\\_melalui\\_Penghayatan\\_Nilai\\_Retorik\\_dan\\_Psikologi\\_dalam\\_Peribahasa\\_Melayu\\_dan\\_Arab](https://www.researchgate.net/publication/361321044_Membudayakan_Norma_Baharu_melalui_Penghayatan_Nilai_Retorik_dan_Psikologi_dalam_Peribahasa_Melayu_dan_Arab)
- Ahmad, W. R. W., & Hamid, M. F. A. (2021). *Koleksi Peribahasa Arab*. Al Manar Resources.
- Ali, N. R., & Teh, K. S. (2011). *Kitab peribahasa Arab Majma' Al- Amthal karya al-Maydaniy*. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Ali, N. R. N., & Teh, K. S. M. (2018). *Kitab peribahasa Arab Majm'al-Amthal karya al-Maydaniy*. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Aparicio, E. (2009). *101 Spanish proverbs*. McGraw Hill.
- Călin, A. T. (2016). Aspect of Spanish paremiology. *LiBRI. Linguistic and Literary Broad Research and Innovation*, 5(2), 45-53.
- Carlotto, M. (2022). Rome wasn't built in a day: New evidence the eternal city may be older than we think. Diakses pada 3 Mei 2024, daripada [https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract\\_id=4104651](https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=4104651)
- Ciardelli, I., Groenendijk, J., & Roelofsen, F. (2018). *Inquisitive semantics*. Oxford University Press. <https://library.oapen.org/handle/20.500.12657/25127>
- Cobos, C. (1985). *Refranes southwestern Spanish proverbs*. Museum of New Mexico Press.
- Daud, M. Z. (2018). Gallus gallus domesticus dan Paradoxurus hermaphroditus dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika*, 10(2), 41-51.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019). Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik: Perspektif semantik inkuisitif dan akal budi Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 37-62.
- Daud, M. Z., Abdullah, N. A., & Subet, M. F. (2021). Refleksi sisi negatif burung gagak dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Issues in Language Studies*, 10(2), 24-44.
- Din, N. A. A. M., & Pawi, A. A. A. (2020). Peribahasa Melayu dan terjemahannya dalam bahasa Inggeris dari aspek budaya. *Jurnal Melayu Sedunia*, 3(1), 210-241.
- Flores-Huerta, S. (2016). *Dichos o refranes: Compendio temático*. Coplit ArXives. <https://copitarxives.fisica.unam.mx/CD0006ES/CD0006ES.pdf>
- García, J. L. A. (2017). De refranes y cuentos folklóricos. Aproximación teórica y fuentes del refranero clásico / Proverbs and folktales. Theoretical approach and sources of the classical proverb. *Boletín De Literatura Oral*, 7, 99-124.
- Grabski, S. (2020). The study of proverbs from perspective of intercultural analysis. *Literacy information and computer education journal*, 11(1), 3386-3389.



- Halim, A. Q. A., & Haron, M. S. (2020). Hubungan antara konsep rezeki dan persepsi terhadap risiko dalam persaingan perniagaan menggunakan analisis Spearman's Rho. *Jurnal Hadhari*, 12(1), 35-44.
- Hamzah, Z. A. Z., & Hassan, A. F. M. (2011). *Peribahasa Melayu: Penelitian makna dan nilai*. Universiti Putra Malaysia.
- Hasbullah, M. (2020). Pelatihan teknologi pengeleman kayu dalam air untuk sampan nelayan. *Jurnal Tepat: Teknologi Terapan untuk Pengabdian Masyarakat*, 3(1), 141-149.
- Hussain, A. (2016). *Kamus istimewa peribahasa Melayu* (Edisi Kedua). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (n.d.). Diakses di <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pengayuh+sayang+dibasahkan&d=82736&#LIHATSINI>
- Jafli, I. N. (2022). Analisis semantik inkuisitif peribahasa masyarakat Sarawak. *Jurnal Kepulauan*, 1(02), 12-12.
- Jalaluddin, N. H. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia. *Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI)*. Diakses di <https://kbbi.web.id/>
- Kamus Dewan* Edisi Keempat. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kasdan, J., & Nopiah, J. (2021). Padi dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(1), 59-72.
- Kempson, R. (1986). *Meaning and interpretation*. In T. Charles (Ed.), *Ambiguity and the semantics-pragmatics distinction*. Blackwells.
- Kuzmanovska, D., Koceva, V., Vitanova-Ringaceva, A., Kirova, S., Ivanova, B., Koteva, I., & Todorova, M. (2022). Perception of women in society given through proverbs and sayings. *Proceeding of the 14th International Conference on Education and New Learning Technologies* (pp. 5345-5349). IATED Academy.
- Mad, N. S. N., Yunus, M. M., & Azziz, M. S. A. (2020). Analisis faktor-faktor kesejahteraan submadjektif dalam kalangan peserta mikro kredit Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM): Cawangan Kepong, Wilayah Selangor dan Kuala Lumpur Tengah. *Jurnal Melayu Sedunia*, 3(1), 351-383.
- Mamat, A. N., Mohamad, N., Zakaria, M. Z., & Puasa, B. (2023). Fungsi sembang santai dalam komunikasi masyarakat Arab: The functions of small talk in Arabic communication. *Afaq Lughawiyah*, 1(1), 172-188.
- Muhammad Saqr (18 Februari 2023). التطور بدعم أفكار الموظفين. الوطن. <https://www.alwatan.com.sa/>
- Muhammad, Z., Abdullah, A., & Ab Razak, R. R. (2019). Sifat malu dalam kerangka akhlak Melayu. *Jurnal Hadhari*, 11(2), 231-244.
- Muhi, A. P. A. (2018). Akal budi dalam peribahasa Melayu Sarawak: Akal budi in Sarawak Malay proverbs. *Jurnal Peradaban Melayu*, 13, 28-41.
- Ramli, M. D. (2022). *Membongkar misteri tamadun awal dunia pandang sisi peradaban manusia: Eropah awal Yunani dan Rom*. Hijjaz Records Publishing
- Nasir, M. R. B. M., & Subet, M. F. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227-253.
- Nopiah, J., Addli, M. A., & Osman, M. (2023). Cerminan kuasa melalui peribahasa Melayu yang berobjekkan 'gajah' dan 'harimau': Analisis semantik inkuisitif. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya*, 2(1), 241-266.
- Noraniza Azmi. (26 Januari 2021). 10 Kisah inspirasi, tip daripada usahawan tempatan. *Berita Harian*. Diakses di <https://www.bharian.com.my/bisnes/usahawan/2021/01/780081/10-kisah-inspirasi-tip-daripada-usahawan-tempatan>.

- Pangesa, I., Hermandra, H., & Burhanudin, D. (2024). Leksikal bunga dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *JIP-Jurnal Ilmiah Ilmu Pendidikan*, 7(2), 1555-1562.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (n.d.). Diakses pada 2 Mei 2024 di <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pengayuh+sayang+dibasahkan&d=82736&#LIHATSINI>
- Puteh, D. A. A., & Sa'at, N. H. (2014). Keberkesanan bantuan kerajaan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti nelayan: Kajian kes nelayan muara pantai timur. In *Prosiding Malaysian Social Conference. Universiti Malaysia Terengganu*.
- Rahman, M. T. A. (2017). *Kamus peribahasa Melayu untuk pelajar*. Penerbit Fajar Bakti.
- Said, S. H. (2013). *Kamus peribahasa Melayu*. Penerbitan Pelangi.
- Sariyan, A. (2015). *Santun berbahasa*. Kuala Lumpur: DBP .
- Sayo Pelayo. [@sayopelayo]. (2023). [TikTok profile]. Tik Tok. Dimuat turun pada 2 April 2024, dari <https://vt.tiktok.com/ZSjM4ERvJ/>
- Senin, S. A. M., (2013). *Kamus peribahasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Setiawan, S., & Affan, M. (2019). Muslim di Amerika Utara dan Amerika Latin. *Madaniyah*, 9(1), 117-136.
- Sukiman, U. (2015). Makna figuratif senjata dalam idiom bahasa Arab (kajian semantik). *Adabiyāt: Jurnal Bahasa dan Sastra*, 14(2), 244-265.
- Surat, M., Rasdi, M. T. M., Musa, A. R., Utaberta, N., & Tahir, M. M. (2011). Salah tanggapan terhadap kubah pada senibina masjid: Pengaruh pengisian sejarah dalam hasrat rekabentuk masjid. *Journal of Design+ Built*, 2(1), 1-16.
- Ubaidillah. (2019). *Aesthetic functions in translation (Study in Arabic and English proverbs)*. *Proceedings of the Adab-International Conference on Information and Cultural Sciences "Cultural Literacy and Islam in the Post-Truth Society"* (pp. 105-117). <https://digilib.uin-suka.ac.id/id/eprint/38599/>
- Yaacob, M. N. (2021). Historiografi ideologi moden barat: Suatu pengenalan. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 4(1), 38-52.
- Yahfis, E. F., Hermandra., & Sinaga, M. (2024). Kata batu dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Diglosia: Jurnal Pendidikan, Kebahasaan, dan Kesusasteraan Indonesia*, 8(1), 248-257.